

Tiga negeri sokong pencalonan Mahathir, Pak Lah

um 11 JAN 2000

Oleh AMIRUDDIN HARUN,
MEOR HARMAN MEOR SHAKRI
dan ANI AWANG

KUALA LUMPUR 10 Jan. — Tiga badan perhubungan UMNO negeri menyokong keputusan Majlis Tertinggi (MT) supaya Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dicalonkan untuk mempertahan-

kan jawatan Presiden dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dicalonkan untuk jawatan Timbalan Presiden.

Johor, Melaka dan Negeri Sembilan turut menyambut baik kesediaan Abdullah untuk bertanding dengan menyifatkan keputusan MT itu bukan sahaja menunjukkan UMNO mempunyai cara ter-

sendiri untuk menyelesaikan masalah dalamannya, malah akan mengukuhkan lagi parti.

Di **Port Dickson**, kesediaan Abdullah untuk bertanding bagi jawatan Timbalan Presiden dianggap wajar dan bersesuaian dengan kedudukan beliau sendiri sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd. Isa Abdul Samad berkata: "Kenyataan Pak Lah (Abdullah) baik kerana beliau pada masa kini adalah Timbalan Perdana Menteri dan beliau mesti bertanding. Kalau Pak Lah bersedia itu satu pilihan yang tepat."

■ Lihat muka 4

3 perhubungan UMNO sokong pencalonan Mahathir, Pak Lah

Mohd. Isa menyatakan demikian kepada pemberita pada majlis rumah terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri dekat Kampung Si Rusa hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Abdullah yang bersedia untuk bertanding bagi jawatan berkenaan jika bahagian-bahagian UMNO mahu kan pertandingan jawatan itu pada pemilihan parti Mei depan.

Dalam kenyataan itu, Abdullah berkata, terpulang kepada bahagian-bahagian UMNO untuk membuat keputusan sama ada menerima nasihat Majlis Tertinggi (MT) agar jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan atau sebaliknya.

MT dalam mesyuaratnya pada 3 Januari lalu memutuskan supaya Dr. Mahathir dikekalkan pada jawatannya manakala Abdullah dicalonkan untuk jawatan Timbalan Presiden. MT juga meminta agar kedua-dua jawatan itu tidak dipertandingkan.

Mohd. Isa juga memberitahu, hasrat MT yang mencadangkan agar tiada pertandingan bagi kedua-dua jawatan tersebut adalah untuk mengurangkan amalan 'politiking'.

Beliau berkata, pertandingan bukan sahaja menjadi hebat, malah kesannya akan menimbulkan sedikit perpecahan yang akan mengambil masa agak panjang untuk pulih dan ini tidak baik untuk UMNO sendiri.

"Kerana itu kalau semua pihak hormati pandangan MT itu kita akan aman.

"MT tahu ini hak bahagian untuk buat pencalonan. Tetapi pandangan ini kalau baik, apa salah kita ikut kerana ia bukan kerugian malah lebih baik untuk parti," ujarnya.

Di **Melaka**, semua lima bahagian UMNO negeri turut menyokong sepenuhnya keputusan supaya tiada pertandingan bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden dalam pemilihan kali ini.

Kelima-lima ketua UMNO baha-

gian juga bersetuju supaya Dr. Mahathir dikekalkan sebagai Presiden parti manakala Abdullah dicalonkan sebagai Timbalan Presiden.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Wira Mohd. Ali Rustam berkata, persetujuan itu dicapai semasa badan tersebut mengadakan mesyuarat pada 5 Januari lalu.

"Kita telah mengadakan perbincangan secara mendalam atas nasihat MT itu dan semua jawatankuasa perhubungan dan ketua bahagian menyokong penuh supaya tidak ada pertandingan bagi kedua-dua jawatan itu," katanya hari ini.

Menurut beliau, langkah itu adalah wajar kerana tumpuan terhadap perpaduan dan kekuatan parti perlu diutamakan lebih-lebih lagi selepas mengharungi pilihan raya.

"Jika ada pertandingan, tentu ada perpecahan seperti yang berlaku pada masa lepas. Untuk memulihkannya akan mengambil masa yang panjang, akhirnya parti akan bertambah lemah," katanya.

Beliau yang juga Ketua Menteri berkata, tidak ada apa yang perlu direbut pada pemilihan kali ini kerana semua telah menyatakan pendirian untuk menyokong Dr. Mahathir.

Menurutnya, badan tersebut juga menyokong Abdullah sebagai calon Timbalan Presiden kerana sejak dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan menjalankan tugas-tugas sebagai Timbalan Presiden UMNO, beliau telah menunjukkan prestasi yang baik.

Di **Muar**, Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri, Datuk Abdul Ghani Othman pula berkata, semua 20 bahagian UMNO di Johor menyokong keputusan MT UMNO pada minggu lalu.

"Semua bahagian UMNO di Johor menyokong keputusan itu dengan tujuan supaya tidak berlaku pertandingan yang boleh menjejaskan perpaduan parti," kata beliau kepada pemberita pada majlis rumah terbu-

ka sempena Hari Raya di kampungnya di Sungai Mati.

Abdul Ghani yang juga Menteri Besar berkata, UMNO Johor juga tidak akan menghadkan jumlah pemimpin-pemimpinnya yang berhasrat untuk bertanding jawatan Naib Presiden dan anggota MT pada perhimpunan agung parti Mei depan.

Katanya, keputusan untuk tidak menghadkan pertandingan bagi jawatan naib presiden dan anggota MT itu dicapai pada mesyuarat UMNO Johor pada 4 Januari lalu.

"Itu adalah hak masing-masing dan UMNO Johor tidak menyekat sama sekali, Jadi kita serahkan kepada UMNO bahagian dan cawangan yang mula bermesyuarat untuk membincangkan perkara ini," katanya.

Menurut beliau, UMNO Johor bersikap terbuka dengan berpegang teguh kepada pengiktirafan dan penerimaan yang berlaku di peringkat bahagian dan perwakilan cawangan yang telah bermesyuarat.

Di **Kepala Batas**, Timbalan Ketua UMNO Bahagian Kepala Batas, Datuk Yahaya Abdul Hamid berkata, beliau yakin semua bahagian di seluruh negara akan memberi sokongan padu terhadap kesediaan Abdullah bertanding bagi jawatan Timbalan Presiden.

"Saya yakin UMNO bahagian-bahagian dapat memberi sokongan kepada Abdullah sejajar dengan nasihat Majlis Tertinggi (MT) agar jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan," katanya kepada pemberita di majlis rumah terbuka di Kompleks Perniagaan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), Pinang Tunggal hari ini.

Yahaya berkata, beliau percaya Abdullah yang kini menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden mampu memikul tanggungjawab itu demi kepentingan parti.